

# Kes dera seksual budak makin serius

(02/09/2022)  
M/S 01

PENDEDAHAN bahan pornografi kanak-kanak yang semakin tidak terkawal di internet telah mendorong kepada jenayah penderaan secara seksual melibatkan golongan itu yang mencecah 417 kes dalam tempoh enam bulan pada tahun ini.

Perkembangan menakutkan itu meliputi kesemua 1,055 kes penderaan termasuk fizikal dan emosi di seluruh negara mulai Januari hingga Jun melibatkan kes rogol, sumbang mahram, luar tabii dan cabul.

Salah satu punca kejadian itu berleluasa apabila siasatan mendapati lebih 106,000 pelayar yang menggunakan alamat protokol internet berdaftar di Malaysia telah membuat perkongsian pornografi kanak-kanak sejak 2017 hingga Ogos tahun ini. **» LAPORAN PENUH DI MUKA 2**

Ramai  
kanak-kanak  
Malaysia  
menjadi  
mangsa dera  
sama ada  
seksual, fizikal  
dan emosi

KANAK-KANAK  
sepatutnya dilindungi  
dan bukan didera  
oleh orang dewasa. —  
GAMBAR HIASAN

JKM, PDRM rekod angka membimbangkan penganiayaan ke atas kanak-kanak

# Ramai budak jadi mangsa dera seksual

KOSMO (07/09/2022) (M/S 02)

Oleh ROHANA ISMAIL

**PASIR MAS** – Segelintir orang dewasa yang sepatutnya menjadi pelindung bertindak di luar kawalan apabila tergamak melakukan penderaan sama ada secara seksual, fizikal dan emosi kepada kanak-kanak hingga merekodkan sebanyak 1,055 kes hanya dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mendedahkan, dalam tempoh Januari hingga Jun sahaja, sebanyak 578 kes penderaan fizikal, seksual (417) dan emosi (60) telah dilaporkan kepada pihak berkuasa melibatkan 706 perempuan dan 349 kanak-kanak lelaki.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Siti Zailah Mohd. Yusoff berkata, jika mengikut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula, sebanyak 1,348 kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak telah direkodkan dalam tempoh yang sama.

Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 641 kes melibatkan rogol, rogol berkumpulan (47), sumbang mahram (127), seks luar tabii (95) dan cabul (438).

“Statistik PDRM ini menunjukkan perkembangan yang tidak sihat selain pendedahan kepada bahan pornografi kanak-kanak mendorong kepada jenayah seksual.

“Maklumat daripada polis juga menunjukkan 106,764 alamat protokol internet yang berdaftar di negara ini telah membuatkan perkongsian pornografi kanak-kanak sejak 2017 hingga Ogos ta-



**JKM mencatatkan sebanyak 1,005 kes penderaan ke atas kanak-kanak melibatkan seksual, fizikal dan emosi dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.** – GAMBAR HIASAN

hun ini,” katanya.

Beliau ditemui pada Program Kempen Membanteras Jenayah Seksual Dalam Talian Terhadap Kanak-Kanak di Dewan Majlis Daerah Pasir Mas di sini semalam.

Ahli Parlimen Rantau Panjang itu menambah, kadar penggunaan internet bukan sahaja meningkat sebanyak 42 peratus sejak dua tahun lalu berbanding 2018, malah ia digunakan melebihi sembilan jam sehari pada tahun ini.

Menurut Siti Zailah, Majlis Perwakilan Kanak-Kanak yang ditubuhkan bagi menyelesaikan kes penderaan oleh JKJM berperanan melaksanakan program advokasi berkaitan hak kanak-kanak yang disertai remaja berusia antara 14



**SITI ZAILAH menandatangani plak perasmian Kempen Membanteras Jenayah Seksual Dalam Talian Terhadap Kanak-Kanak di Dewan Majlis Daerah Pasir Mas, Pasir Mas semalam.**

Statistik PDRM ini menunjukkan perkembangan yang tidak sihat selain pendedahan kepada bahan pornografi kanak-kanak mendorong kepada jenayah seksual.”

SITI ZAILAH

hingga 17 tahun.

“Eksplotasi seksual secara dalam talian terhadap kanak-kanak dilihat semakin meningkat terutamanya kesalahan pornografi.

Internet dan gajet merupakan keperluan untuk pembelajaran kanak-kanak, namun kurangnya pengawasan ibu bapa menyebabkan mereka terdedah kepada laman web dan aplikasi tidak bermoral,” katanya.

Menurut Siti Zailah, tahap kesadaran kawalan ibu bapa terhadap penggunaan internet anak menurun daripada 62.5 peratus pada tahun 2018 kepada 53.3 peratus pada tahun 2020.

Katanya, data itu diperoleh daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara melalui tinjauan pendapat.

“Pendedahan bahan pornografi kanak-kanak mendorong kepada ketagihan seks dan akhirnya boleh membawa kepada perlakuan seksual yang menjurus kepada kesalahan jenayah seperti rogol, cabul dan sebagainya,” katanya.